

Headline **Tanah perkuburan Islam mencukupi**
Date **16 Aug 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,551**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **282 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **4,653**



Tanah perkuburan Islam mencukupi

Berkeluasan tiga meter persegi, tanah perkuburan itu boleh menampung jenazah sehingga 52 tahun

NOR FARHANA YAACOB

KUALA LUMPUR – Umat Islam di sekitar Lembah Klang tidak perlu bimbang mengenai tanah perkuburan kerana Tanah Perkuburan Islam Kuala Lumpur-Karak boleh menampung jenazah sehingga 2061.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom berkata, tanah perkuburan berkeluasan tiga meter persegi itu boleh menampung jenazah sehingga 52 tahun akan datang dan tidak seharusnya timbul kerisauan mengenai tanah perkuburan Islam penuh.

Beliau berkata, Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara yang juga kedua terbesar sering dikaitkan dengan tempat persemadian jenazah orang kenamaan

Headline Tanah perkuburan Islam mencukupi
Date 16 Aug 2009
MediaTitle Sinar Harian
Section Nasional
Journalist N/A
Frequency Daily
ADValue 1,551

Language Malay
Page No 8
Article Size 282 cm²
Color Full Color
PRValue 4,653

dan sebagainya pula berupaya menampung jumlah kemasukan jenazah sehingga 2035.

"Masyarakat disarankan supaya tidak mengejar taraf eksklusif seperti yang berlaku di Tanah Perkuburan Bukit Kiara yang sering kali menjadi rebutan orang ramai kerana salah satu faktor menyebabkan tanah perkuburan tidak mencukupi.

"Tanah perkuburan berkenaan sebenarnya menjadi keutamaan bagi penduduk yang mendiami kawasan sekitar Damansara, Taman Tun Dr Ismail dan Bangsar," katanya selepas Pelancaran Projek Raudatul Sakinah di Tanah Perkuburan Islam Kuala Lumpur-Karak di sini, semalam.

Jamil berkata, sekiranya kawasan tanah perkuburan yang hanya berkeluasan 3.2 hektar dibuka untuk orang luar, dijangka kawasan itu penuh dalam tempoh satu tahun saja.

Mengenai jenazah tidak berwaris, katanya, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) memainkan peranan yang begitu mencabar dalam menguruskan jenazah berkenaan.

Beliau berkata, bermula 1997 hingga tahun lalu, sebanyak 1,180 jenazah yang tidak berwaris, termasuk

mangsa jangkitan HIV, warga asing dan pelbagai lagi dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kuala Lumpur-Karak.

"Tanah perkuburan ini bukan hanya menerima jenazah penduduk sekitar kawasan ini, malah dijadikan tempat bersemadinya jenazah yang tidak dituntut dan juga dijangkiti HIV/Aids," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jawi, Datuk Che Mat Che Ali yang ditemui, kesal dengan sikap sesetengah pihak yang sepatutnya tidak menimbulkan isu bahawa tanah perkuburan Islam di kawasan Wilayah Persekutuan sudah terhad dan tidak mampu menampung jenazah.



● Che Mat menyampaikan cenderamata kepada Jamil (tiga dari kiri) di Tanah Perkuburan Islam Kuala Lumpur-Karak, semalam.